DISEDIAKAN OLEH:

Titipan
USTAZAH AZIZAH
UPKK & UPSRA

# NOTA UPKK 2025
# JAWI
# TAHUN 3 4 & 5

-TITIPAN UPKK USTAZAH AZIZAH-



# جاوي يو·ڤي·كي·كي·



| IMBUHAN AWALAN | IMBUHAN APITAN | IMBUHAN AKHIRAN |
| --- | --- | --- |
| • Berada hanya di **AWAL PERKATAAN.** | • Berada di **AWAL PERKATAAN dan AKHIR PERKATAAN.** | • Berada di **AKHIR PERKATAAN.** |
| • مڠاجر<br>• ممبوات<br>• تركنا<br>• برجالن | • مڠاجركن<br>• ڤراتورن<br>• دسرهكن<br>• ڤڠاجرن | • ماكنن<br>• سنمن<br>• ريندوءي<br>• سايڠي |




-TITIPAN UPKK USTAZAH AZIZAH-

# جاوي يو،ڤي،كي،کي

| PADANAN "K" ق | PADANAN "K" ک |
| --- | --- |
| ق<br>• Digunakan untuk perkataan Bahasa Melayu sahaja.<br>• Kedudukan "K" diakhir suku kata.<br><br>Balik : باليق<br>Paksa : ڤقسا<br>Periksa : ڤريقسا | ک<br>• Huruf "K" adalah huruf pertama dalam suku kata bahasa melayu.<br>Kakak : كاكق<br>Pokok : ڤوكوق<br>• Semua perkataan pinjaman bahasa inggeris , huruf "K" dieja dengan "ک"<br>Klinik : كلينيک<br>Objek : اوبجيک<br>Kek : کيک<br>Kaunter : كاءونتر |



# جاوي يو.ڤي.كي.كي.



## PADANAN "E"







### e pepet ي

- Ada dalam ejaan rumi tetapi tiada dalam ejaan jawi.
- Kenali e pepet melalui bunyi dari sebutan.
- Huruf e pepet hendaklah dibuang setiap kali menukarkan tulisan rumi kepada jawi.

CONTOH :

EMAK = امق
BELI = بلي
JEMU = جمو

### e taling ي

- Ada dalam ejaan rumi dan ada juga dalam ejaan jawi.
- Kenali e taling melalui bunyi dari sebutan.
- Huruf e taling dikekalkan setiap kali menukarkan tulisan rumi kepada jawi.

CONTOH :

BEZA = بيذا
RELA = ريلا
EKOR = ايکور





-TITIPAN UPKK USTAZAH AZIZAH-

# جاوي يو.ڤي.كي.كي.



## KAEDAH KT2

## ک ڬ

- *Setiap perkataan yang ada huruf (ڬ/ک) di akhir perkataan maka digugur huruf alif bila Jawi.*

**CONTOH** ا Alif




| CUKA | NANGKA | TIGA | HARGA |
|---|---|---|---|
| چوک | نڠک | تيڬ | هرڬ |

**KECUALI**



1. Suku kata terbuka (K V K V) di dahului 'e' pepet :

| TEKA |
|---|
| تکا |

2. Kata Nama khas :

| YOGA | AFRIKA |
|---|---|
| يوڬا | افريکا |

3. Akronim :

| TADIKA | TABIKA |
|---|---|
| تاديکا | تابيکا |

# جاوي يو.ڤي.كي.كي.



## KAEDAH KT2
## ک ݢ



**4. Kata Serapan Asing:**

| BONEKA | GIGA | SETERIKA |
| --- | --- | --- |
| بونيکا | ݢيکا | ستريکا |

**5. Menerima Imbuhan Akhiran :**

| JAGALAH | LUKANYA | LUKAKAN |
| --- | --- | --- |
| جاݢاله | لوکاڽ | لوکاکن |



# جاوي يو.ڤي.كي.كي.




ا
Alif



## KAEDAH KT5
## د ر ل و ڠ

- **Bahasa Melayu Tradisi.**
- **DERLUNG ada lima huruf jawi. DERLUNG berlaku apabila ada perkataan berpola a+a.**
- **Huruf A hendaklah dikekalkan sekiranya huruf ketiga adalah huruf DERLUNG.**

**LA DA : لادا**

**U DA RA : اودارا**

**BA LA : بالا**



# جاوي يو.ڤي.كي.كي.




ا
Alif

**SATU SUKU KATA**
**HURUF 'WAU'**

**PERKATAAN SATU SUKU KATA YANG DIMULAI DENGAN HURUF WAU HENDAKLAH DIKEKALKAN HURUF ALIF YANG DITENGAHNYA.**

- **CONTOH :**

**WAD : واد**

**WAP : واڤ**

**WANG : واڠ**





-TITIPAN UPKK USTAZAH AZIZAH-

# جاوي يو.ڤي.كي.كي.




## HUKUM KT 12

ا
Alif

- BAHASA MELAYU TRADISI.
- GUGURKAN VOKAL ALIF DIAKHIR PERKATAAN SEKIRANYA KETIGA ADALAH HURUF KT12 BERPOLA a+a.

ب ت ڤ س ݢ ن ث چ ي ک ج م

FORMULA : BE TA PA SE GA N NYA C Y K JA M
(DIBACA : BETAPA SEGARNYA CIK JAM)

CONTOH :

SA YA : ساي

KATA : كات

BAPA : باڤ

MEMBACA : ممباچ





-TITIPAN UPKK USTAZAH AZIZAH-

# جاوي يو.ڤي.كي.كي.

## HUKUM IWA/EWA

**PERKATAAN YANG MEMPUNYAI BUNYI E-WA DAN I-WA DITAMBAH HURUF ALIF SELEPAS HURUF WAU DALAM SUKU KATA TERTUTUP.**



**CONTOH:**

- Lewat - ليوات
- Mewah - ميواه
- Jiwang - جيواڠ

# جاوي يو.ڤي.كي.كي.

## AKRONIM

**Akronim ialah kata singkatan dalam bahasa melayu yang terbentuk melalui gabungan beberapa huruf pertama atau suku kata untuk membentuk perkataan baharu.**

1. ايكيم (IKIM) ـ اينستيتوت كفهمن إسلام مليسيا.
2. جاكيم (JAKIM) ـ جابتن كماجوان إسلام مليسيا.
3. ايليم (ILIM) ـ اينستيتوت لاتيهن إسلام مليسيا.
4. ابيم (ABIM) ـ اڠکتن بليا إسلام مليسيا.
5. ڤلوس (PLUS) ـ ڤروجيک لبوه راي اوتارا سلاتن.

**Akronim yang terbentuk daripada contoh huruf awal perkataan.**

1. مارا (MARA) ـ مجليس امانه رعيت.
2. تاديكا (tadika) ـ تامن ديديقن كانق٢.
3. ڤاواڬم (pawagam) ـ ڤڠڬوڠ وايڠ ڬمبر .
4. چرڤين (cerpen) ـ چريتا ڤينديق.
5. چريک (cereka) ـ چريتا ريكاءن.
6. ڬيمراما (gimrama) ـ ڬيمنستيک برايرام.

**Akronim yang terbentuk daripada cantuman suku kata awal perkataan.**

1. ڤيترونس (Petronas) ـ ڤيتروليوم ناسيونل.
2. ڤروتون (PROTON) ـ ڤراوسهاءن اءوتوموبيل ناسيونل.
3. ڤرهيليتن (PERHILITAN) ـ ڤرليندوڠن هيدوڤن ليار دان تامن نڬارا.
4. اينتن (INTAN) ـ اينستيتوت تدبيرن عوام نڬارا.

**Akronim yang terbentuk daripada cantuman huruf dan suku kata perkataan.**

1. هالاجو ـ حدلاجو
2. هرتانه ـ هرتا تانه
3. جنام ـ جنيس نام
4. برديكاري ـ برديري دأتس كاكي سنديري
5. جنتولق ـ جنترا تولق
6. ڤورات ـ ڤوكول رات

**Akronim cantuman bahagian awal perkataan pertama dengan bahagian lain perkataan yang mengikutinya.**

-TITIPAN UPKK USTAZAH AZIZAH-

# جاوي يو.ڤي.كي.كي.



## KATA SINGKATAN

***Kata singkatan ialah perkataan tertentu yang disingkatkan cara penulisannya.***



1. يو.ڤي.ايس.ار. (UPSR) ـ اوجين ڤنيلاين سکوله رنده.
2. يو.ڤي.كي.كي. (UPKK) ـ اوجين ڤنيلاين كلس كافا.
3. كي.ايل.سي.سي. (KLCC) ـ كوالا لمڤور سيتي سينتر.
4. جيه. كي. ار.(JKR) ـ جابتن كرجا راي.



1. كي.ايل.اءي.اي.(KLIA) ـ لاڤڠن تربڠ انتارا بڠسا كوالا لمڤور.
2. تي.عين.بي. (TNB) ـ تناڬ ناسيونل برحد.
3. تي.يو.دي.عيم. (TUDM) ـ تنترا اودارا دراج مليسيا.
4. ار.تي.عيم. (RTM) ـ راديو تيليۏيشن مليسيا.
5. كي.ڤي.عيم.(KPM) ـ كمنترين ڤنديديقن مليسيا.

# جاوي يو،ڤي،كي،كي

## KATA GANDA

### PENUH

- *Jika ejaan dikiri dan kanan adalah sama, letak angka ٢*

- كانق٢
- بوكو٢
- موريد٢



### SEPARA

- *Jika ejaan kiri dan kanan tidak sama, perkataan tersebut hendaklah ditulis penuh dan diletakkan tanda (-)*

- بواه - بواهن
- ملمباي - لمباي
- برهاري - هاري

# جاوي يو،ڤي،كي،كي





## DIFTONG DAN VOKAL BERGANDING

**DUA HURUF VOKAL BERSEBELAHAN**

### DIFTONG

*Dua huruf vokal dalam satu suku kata dan disebut sekali:*

**DIAWAL :** **Perlu hamzah**

| (oi)وي | (ai) اي | (au) او |
|---|---|---|
| | اءيس | اءورا |

**DITENGAH** **Tidak perlu hamzah**

| (oi)وي | (ai) اي | (au) او |
|---|---|---|
| بويكوت | هايلم | تاولن |

**DIAKHIR** **Tidak perlu hamzah**

| (oi)وي | (ai) اي | (au) او |
|---|---|---|
| امبوي | لباي | ڤيساو |

### VOKAL BERGANDING

*Dua huruf vokal duduk bersama tetapi terletak dalam suku kata yang berbeza :*

**PERLU LETAK HAMZAH SISIPAN**

| (ui)وي | (ai) اي | (au) او |
|---|---|---|
| Bu/ih | Ka/in | La/ut |
| بوءيه | كاءين | لاءوت |

**TIDAK PERLU HAMZAH SISIPAN**

| (iu)وي | (ia) اي | (ua) او |
|---|---|---|
| Bi/us | Ki/an | Lu/as |
| بيوس | كيان | لواس |

# جاوي يوڤي،كي،كي

## KEDUDUKAN HAMZAH



### HAMZAH DI ATAS ALIF

- Berlaku apabila imbuhan di,se dan ke bertemu kata dasar bermula huruf alif>

أ

- ساأورڠ
- كاأمڤت
- داأمبيل

### HAMZAH SETARA

- Selain tiga keadaan berikut, semua perkataan hamzah ditulis mengikut bentuk asal.

ء

- وضوء
- القرءان
- دعاء

### HAMZAH DI BAWAH ALIF

- Pada beberapa ejaan sahaja.

إ

- إسلام
- إيه
- إي-ميل

### HAMZAH BERUMAH

- Lazimnya berlaku pada perkataan serapan bahasa arab.

ئ

- مسئله
- تهنيئه
- ملائكة



# JENIS AYAT

## ايات ڤڽات

***Ayat yang diucapkan dengan tujuan membuat sesuatu kenyataan.***

***Tanda noktah diletakkan pada akhir auat.***

- كوچيڠ عائشة تله ماتي.
- بوڠا راي بوڠا كبڠساءن نڬارا كيت.

## ايات نفي

***Digunakan untuk menafikan atau menidakkan sesuatu.***

***Ada dua bentuk kata nafi iaitu TIDAK dan BUKAN.***

- دي بوكن كاكق ساي.
- احمد تيدق سوك ماكن سايور.

## ايات سرو

***Ayat yang digunakan untuk melahirkan perasaan seperti takut, marah, gembira, sakit, benci dan sebagainya.***

- إيه، اوق دسيني!
- امبوي، چنتيقڽ رومه كامو!

## ايات تاڽ

***Ayat tanya ialah ayat yang digunakan untuk tujuan menanyakan sesuatu hal atau berita.***

- اداكه اوق سأورڠ دوكتور ؟
- بيلاكه كامو اكن برتولق كترڠڬانو؟







-TITIPAN UPKK USTAZAH AZIZAH-

# ايات ڤرينته



## AYAT LARANGAN

Ayat larangan ialah ayat yang menggunakan kata larangan seperti jangan , usah atau tidak usah dengan tujuan menegah seseorang daripada melakukan sesuatu.

CONTOH AYAT :

جاڠن برماين كتيک بلاجر .

## AYAT SURUHAN

Ayat suruhan ialah ayat yang diucapkan untuk menyampaikan perintah atau arahan.

CONTOH AYAT :

كلوار دري بيليق اين سكارڠ .

## AYAT SILAAN

- Ayat silaan ialah ayat yang diucapkan untuk menjemput atau mempersilakan seseorang.
- Menggunakan kata silaan seperti sila , jemput dan mari.

CONTOH AYAT :

سيلا برݢرق سچارا بركومڤولن .

## AYAT PERMINTAAN

- Ayat perintah ialah ayat yang diucapkan dengan tujuan memberi suruhan , larangan, ajakan atau menyampaikan permintaan.
- Ayat ini menggunakan kata permintaan seperti meminta dan tolong dengan tujuan memohon permintaan dan pertolongan.

CONTOH AYAT :

تولوڠ سيڤ اڤابيلا كورو بسر براوچڤ .



-TITIPAN UPKK USTAZAH AZIZAH-

# تندا باچ

- تندا نقطه
- تندا سوءال
- تندا سرو
- تندا كوما
- نقطه برتيندیه
- ڤڠيكت كات



# TANDA NOKTAH ( . )

**1** Akhir ayat penyata untuk mengakhiri sesuatu ayat yang telah lengkap.

**CONTOH AYAT :**

اڠکاساون ايت تله سمڤاي کأڠکاس لڤس .



**2** Kata Singkatan untuk :

i. Kata gelaran atau pengikat

**CONTOH AYAT :**

تون د.محاضير محمد اداله توکوه ڤوليتيک يڠ دسڠني دالم دان لوار نݢارا .

ii. Jabatan dan tempat, organisasi pertubuhan dan syarikat



**CONTOH AYAT :**

يو.اءي.تي.عيم. تله مڠاداکن مجليس کونۏوکيشن سمالم.



iii. Singkatan Nama.

| | | |
|---|---|---|
| تي . ايس . لانڠ | أي . صمد . سعيد | ڤي . رملي |

**CONTOH AYAT :**

أي.صمد سعيد اياله سستراون تراولوڠ نݢارا کيت.

# TANDA NOKTAH ( . )



**3** Selepas setiap nombor senarai :

**CONTOH AYAT :**

i. Binatang ternakan yang wajib di keluarkan zakat ialah :

لمبو | اونتا | كرباو

ii. Alat yang perlu di bawa untuk menyertai pertandingan melukis ialah :

بروس لوكيسن | ورنا اءير

**4** Menulis masa atau waktu untuk memisahkan angka , jam , minit dan saat yang menunjukkan waktu.

- Jam 10.15 malam - bermaksud jam sepuluh lima belas minit malam.

**CONTOH AYAT :**

١ . اديق تيدور ڤد ڤوكول 10.15 مالم.



**5** Menulis tarikh untuk memisahkan hari , bulan dan tahun.

- 27.06.2022 bermaksud 27 hari bulan 6 tahun 2022.

**CONTOH AYAT :**

١ . مليسيا منچاڤاي كمرديكاءن ڤد تڠڬل 31.08.1957 .

# TANDA NOKTAH ( . )



6 **Memisahkan angka ringgit malaysia dan sen.**
**- RM 45 . 50 ( Empat puluh lima ringgit dan lima puluh sen)**

**CONTOH AYAT :**

ايبو ممبلي بيک تاڠن يڠ برهرݢ RM 350.00.

7 **Menunjukkan tanda perpuluhan.**

**CONTOH AYAT :**

١ . همڤير 1.3 جوتا اورڠ تله كهيلڠن ڤكرجاءن عاقيبة دري
وباء كوۏيد ـ 19.

8 **Sebelum tanda penutup kata ("...") dalam cakap ajuk.**

**CONTOH AYAT :**

١ . كات ايه ، " بلاجرله برسوڠڬوه ـ سوڠڬوه سوڤاي كامو
براوليه كجاياءن."





-TITIPAN UPKK USTAZAH AZIZAH-



# TANDA SOAL ( ? )



**Tanda soal digunakan dalam keadaan berikut :**

**1** **Pada akhir ayat yang terbentuk pertanyaan.**

**CONTOH AYAT :**

ا . باݢايماناكه اندا بوليه براد
دتمڤت ايت؟

**2** **Pada akhir ayat tanya sebelum tanda penutup kata.**

**CONTOH AYAT :**

" كناڤ كامو بلوم سياڤ؟"
تاث كاكق.





-TITIPAN UPKK USTAZAH AZIZAH-

# TANDA SERU ( ! )

***Tanda seru ialah tanda (!) Yang digunakan diakhir ayat seruan bagi menyatakan perasaan marah , sedih , gembira , sakit , hairan , takut, sendiri dan sebagainya.***



**Contoh penggunaan tanda seru :**



1. واه ، بسرڽ رومه كامو !
2. ادوه ، ساكيتڽ ڤروت ساي !
3. امبوي ، ماهل بتول كريتا ايت !
4. واهاي انقكو ، حرمتيله ݢورو كامو !
5. اوه توهن ، امڤونيله سݢالا دوساكو !

# TANDA KOMA ( , )

**Tanda koma menandakan tempat berhenti sebentar ketika membaca kumpulan perkataan. Tanda koma digunakan untuk :**

## 1 Memisahkan lebih daripada dua unsur kata dalam ayat :



**CONTOH AYAT :**

ايه ممبلي دورين ، لڠست ، مڠكيس دان رمبوتن
دري ڬراي ڤق ابو.

## 2 Memisahkan kata seru dihadapan ayat induk.

**CONTOH AYAT :**

واه ، سجوقڽ اءير سوڠاي اين !



# TANDA KOMA ( , )

**Tanda koma menandakan tempat berhenti sebentar ketika membaca kumpulan perkataan. Tanda koma digunakan untuk :**

**3** **Memisahkan baris pantun khususnya baris pertama dan ketiga.**



**CONTOH PANTUN :**

بواه چمڤدق دلوار ڤاكر ،

امبيل كاله تولوڠ جولوقكن ؛

ساي بودق بارو بلاجر ،

كالاو ساله تولوڠ تونجوقكن.

**4** **Sebelum tanda pembuka kata dan penutup kata dalam cakap ajuk.**

**CONTOH AYAT :**

استاذه عزيزة بركات ، " تولوڠ باءيقي توليسن كامو."



# NOKTAH BERTINDIH ( : )

**Noktah bertindih digunakan dalam beberapa keadaan berikut :**

**1** **Memisahkan watak dengan dialog.**

**CONTOH AYAT :**

چيقكو : دمان اوق جومڤا دوءيت اين ؟

فاريس : ساي جومڤا دوءيت ايت دڤادڠ سكوله.



**2** **Memberi penjelasan atau memperkenalkan sesuatu.**

**CONTOH AYAT :**

**i. Antara barang yang perlu kamu bawa ke sekolah esok adalah seperti berikut :**



مجله

سورت

**ii. Kem motivasi akan di adakan pada :**

تاريخ : 20 اڤريل 2

تمڤت : ديوان سري تنجوڠ

ماس : 10.00 ڤاݢي



**3** **Memisahkan nombor surah atau nama surah daripada nombor ayat dalam Al- Quran.**

**Contoh : Surah Al-Baqarah 225 :2**

# PENGIKAT KATA ("...")

**1** **Digunakan untuk menulis cakap ajuk.**

**CONTOH AYAT :**

” كامو هندق ڤرݢي كڤاميرن بوكو . ” كات
رشيد .

**2** **Digunakan untuk menulis nama buku , majalah , cerita, sajak, lagu dan sebahagiannya dalam sesuatu ayat.**

**CONTOH AYAT :**

سموا ڤسرتا دمينتا برديري اڤابيلا لاݢو "نݢاراكو"
دپاپيكن .





# KATA SERAPAN ASING
# كات سرڤن اسيڠ



## PERKATAAN SERAPAN BAHASA ARAB

- *Kata serapan daripada bahasa Arab telah digunakan dalam bahasa Melayu.*
- *Bagi istilah agama , ejaan dikekalkan mengikut bentuk asal bahasa Arab.*
- *Bagi perkataan umum, ejaan ditulis mengikut sebutan masyarakat Melayu.*

**Huruf-huruf yang biasa untuk ejaan kata serapan Arab :**

ث ح خ ذ ش ص ض ط ظ ع غ ف ة



## CONTOH PERKATAAN

| | | |
|---|---|---|
| عِلْمُ<br>علمو<br>**Ilmu** | صَلَاةٌ<br>صلاة<br>**Solat** | سَلَامٌ<br>سلام<br>**Salam** |
| صِفَةٌ<br>صيفت<br>**Sifat** | زَكَاةٌ<br>زكاة<br>**Zakat** | وُضُوءٌ<br>وضوء<br>**Wuduk** |

# KATA SERAPAN ASING
# كات سرڤن اسيڠ



## PERKATAAN SERAPAN BAHASA INGGERIS

- ***Kata serapan daripada bahasa Inggeris ialah digunakan dalam bahasa Melayu.***
- ***Banyak digunakan dalam bidang teknologi , sains , pendidikan dan kehidupan moden.***



## CONTOH PERKATAAN

| | | |
|---|---|---|
| باسيكل<br>***Basikal*** | تيکسي<br>***Teksi*** | البوم<br>***Album*** |
| تيليفون<br>***Telefon*** | کاميرا<br>***Kamera*** | بورݢر<br>***Burger*** |



# JENIS-JENIS KHAT
# جنيس٢ خط



**Khat yang dipelajari untuk UPKK ada 3 jenis iaitu :**

## خط رقعة










- *Ia daripada secebis kertas kerana bentuknya ringkas dan kecil.*
- *Tulisannya tebal dan titik bersambung.*

## خط ثلث













- *Dikenali sebagai ibu segala khat.*
- *Tulisan cantik dan panjang.*

## خط نسخ










- *Jelas bentuk hurufnya.*
- *Mudah dibaca.*
- *Digunakan untuk tulis Mushaf Al-Quran.*

-TITIPAN UPKK USTAZAH AZIZAH-